

TERMA & SYARAT PERADUAN “Beli dan Menang”

Peraduan “Beli dan Menang” (“**Peraduan**”) ini dianjurkan oleh Lotus’s Stores (Malaysia) Sdn Bhd (“**Penganjur**”). Dengan menyertai peraduan ini, anda bersetuju untuk terikat serta mematuhi terma dan syarat yang akan terikat dan membentuk perjanjian yang sah di antara anda dan pihak Penganjur. Penganjur berhak untuk memindah, menambah atau mengeluarkan mana-mana terma dan syarat mengikut budi bicara tanpa sebarang notis.

Tempoh Peraduan:

1. Peraduan ini akan bermula dari tarikh **3 Apr 2025 dan tamat pada 14 May 2025**. (“**Tempoh Peraduan**”).
2. Pihak penganjur boleh melanjutkan atau menukar tempoh peraduan pada bila-bila masa tanpa sebarang notis mengikut budi bicara tunggal dan mutlak.

Kelayakan:

3. Peraduan ini terbuka kepada **Ahli My Lotus’s** yang merupakan warganegara atau penduduk tetap Malaysia yang mempunyai nombor Kad Pengenalan Malaysia (NRIC) yang sah (12 digit) dan berumur 18 tahun ke atas pada waktu penyertaan (“**Peserta**”).
4. Orang/entiti yang tersebut tidak dibenarkan untuk menyertai peraduan ini:
 - a. Pekerja tetap dan / atau pekerja sambilan Pihak Penganjur (dan berkaitan dengan syarikat berkenaan) dan ahli keluarga terdekat mereka (ibu bapa, pasangan, anak, adik-beradik dan suami isteri masing-masing); dan
 - b. Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen pengiklanan dan pihak pengurusan peraduan) pihak penganjur dan ahli keluarga terdekat mereka (ibu bapa, pasangan, anak, adik-beradik dan suami isteri masing-masing).

Kriteria Penyertaan Peraduan:

5. Untuk menyertai Peraduan ini, setiap Peserta hendaklah:
 - a. buat pembelian produk bakeri dimana-mana Lotus’s Malaysia (kecuali Lotus’s Shop Online) dengan jumlah minimum Dua Puluh Ringgit Malaysia (RM20) dalam satu resit;
 - b. membeli sekurang-kurangnya satu (1) biji donut dari produk bakeri;
 - c. like, kongsi, dan komen di akaun media sosial Lotus’s (Facebook);
 - d. simpan resit sebagai bukti pembelian sehingga nama pemenang diumumkan; dan
 - e. pemenang yang terpilih akan dihubungi melalui telefon dan mesti menjawab soalan dengan betul semasa menerima panggilan untuk menjadi pemenang.

Mekanisme Peraduan:

6. Kelayakan menjadi pemenang?
 - a. Jadilah pembeli mingguan yang **ke-10, ke-30, ke-50, ke-70, ke-90 dan ke-110** di stor Lotus’s Malaysia setiap minggu. (kecuali Lotus’s Shop Online)
 - b. Resit pembelian yang dibuat perlu disimpan sebagai bukti pembelian sehingga semua pemenang diumumkan.
 - c. Pemenang dikehendaki menjadi ahli My Lotus’s dan mempunyai aplikasi digital Lotus’s Malaysia.
 - d. Bukti *like*, kongsi dan komen di akaun media sosial kami (Facebook).
 - e. Pemenang yang terpilih akan dihubungi melalui telefon dan mesti menjawab soalan dengan betul semasa menerima panggilan untuk menjadi pemenang.

Hadiah:

| Week | Tarikh Peraduan ("Tempoh Kelayakan") | Winner | Winner Announcement** |
|-------------|---|--|------------------------------|
| 1 | 3 Apr 2025 – 9 Apr 2025 | 1x Pemenang iPad, 1x Pemenang Baucar RM300, 4x Pemenang Baucar RM50. | 14 Apr 2025 |
| 2 | 10 Apr 2025 – 16 Apr 2025 | 1x Pemenang iPad, 1x Pemenang Baucar RM300, 4x Pemenang Baucar RM50. | 21 Apr 2025 |
| 3 | 17 Apr 2025 – 23 Apr 2025 | 1x Pemenang iPad, 1x Pemenang Baucar RM300, 4x Pemenang Baucar RM50. | 27 Apr 2025 |
| 4 | 24 Apr 2025 – 30 Apr 2025 | 1x Pemenang iPad, 1x Pemenang Baucar RM300, 4x Pemenang Baucar RM50. | 5 May 2025 |
| 5 | 1 May 2025 – 7 May 2025 | 1x Pemenang iPad, 1x Pemenang Baucar RM300, 4x Pemenang Baucar RM50. | 12 May 2025 |
| 6 | 8 May 2025 – 14 May 2025 | 1x Pemenang iPad, 1x Pemenang Baucar RM300, 4x Pemenang Baucar RM50. | 19 May 2025 |

- 6x Pemenang: iPad 64GB Gen 10th
- 6x Pemenang: RM300 Lotus's Baucar
- 24x Pemenang: RM50 Lotus's Baucar

Peraduan ini akan berlangsung selama ENAM (6) minggu. Pemenang akan dipilih setiap minggu dan hanya ENAM (6) Hadiah Mingguan Utama akan diberikan.

-

**Penganjur boleh melanjutkan atau menukar tempoh pengumuman pada bila-bila masa tanpa sebarang notis

Pengumuman Pemenang

Nota: Semua penyertaan secara automatik tertakluk kepada tarikh kelayakan. Penganjur akan mengumumkan pemenang Peraduan dengan menyiarkan nama pemenang di halaman Facebook Lotus's Malaysia setiap minggu.**

Penebusan Hadiah

7. Pemenang hendaklah memilih untuk mengambil hadiah mereka di ibu pejabat kami (Tingkat 3, Kepong Village Mall) (Isnin – Jumaat dari 10 pagi hingga 5 petang) atau minta hadiah dihantar ke alamat yang ditetapkan.
8. Jika pemenang memilih pilihan penghantaran, hadiah akan dihantar ke alamat ditetapkan oleh pemenang setelah peraduan tamat dan tidak lebih 4 minggu dari tarikh peraduan berakhir. Walau bagaimanapun, Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap Hadiah tanpa resit atau kerosakan yang disebabkan oleh proses penghantaran. Kos penghantaran akan ditanggung oleh pihak Lotus's. Sebarang ganti rugi dan/atau pertukaran hadiah tidak akan dilayan.
9. Setiap pemenang hanya layak untuk memenangi SATU (1) hadiah sahaja sepanjang tempoh Peraduan.
10. Pihak Penganjur berhak menggantikan mana-mana hadiah dengan nilai yang sama pada bila-bila masa dengan budi bicara mutlak tanpa sebarang notis dan semua hadiah tidak boleh dipindah milik ke individu lain dan tiada rundingan sama sekali.
11. Sekiranya atas apa jua sebab pemenang tidak bertindak balas terhadap pemberitahuan yang telah dibuat dalam tempoh yang telah diberikan, hadiah akan dibatalkan. Penganjur tidak akan membayar ganti rugi atau memberi pampasan atau memberikan sebarang masa lanjutan terhadap pemenang.
12. Semua hadiah diberikan atas dasar "Seadanya" dan tidak boleh ditukar, dipindah milik atau ditebus dengan wang tunai, kredit, barangan atau baucer, sebahagian atau sepenuhnya.
13. Pihak penganjur tidak akan membuat sebarang jaminan atau representasi dalam apa jua perkara berkaitan dengan hadiah dan tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua isu dan / atau kerosakan yang berlaku.
14. Semua pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau mana-mana kos, yuran dan/atau perbelanjaan berkaitan yang berlaku untuk menyertai Peraduan adalah tanggungjawab mutlak pemenang.

Lain-lain Terma & Syarat:

15. Dengan menyertai peraduan ini, peserta bersetuju dan memberikan kebenaran untuk (i) menggunakan personal data dan / atau gambar (jika berkenaan) sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan, perdagangan dan / atau publisiti ; dan / atau (ii) untuk mendedahkan butiran kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga dan / atau rakan kongsi yang terlibat dengan pihak penganjur untuk tujuan Peraduan dan / atau mana-mana kaji selidik untuk memahami tingkah laku pembelian peserta.
16. Keputusan penganjur dalam setiap perkara yang berkaitan dengan peraduan ini adalah muktamad dan terikat. Sebarang surat-menyurat atau pertikaian bagi menafikan keputusan penganjur tidak akan dilayan.
17. Dengan menyertai peraduan ini, anda juga mengakui dan faham bahawa promosi ini tidak ditaja, disokong atau ditadbir atau dikaitkan dengan Instagram mahupun Facebook.
18. Sekiranya terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia berhubung terma dan syarat Kempen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.

Klausa Perlindungan Data Peribadi:

19. Peserta dengan ini telah bersetuju dan membenarkan Lotus's untuk mengumpul, memproses, dan menyimpan butiran peribadi Peserta untuk menyertai Peraduan dan untuk membolehkan Lotus's menganjurkan Peraduan tersebut ("Tujuan"). Peserta dengan ini seterusnya membenarkan Lotus's untuk mendedahkan butiran peribadi Peserta kepada semua pihak yang berkaitan untuk Tujuan sahaja.

Untuk maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan mengenai Peraduan ini, sila hubungi kami melalui mesej di Facebook di halaman Facebook Lotus's Malaysia pada Isnin hingga Jumaat, 9:00 pagi hingga 6:00 petang.